

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1996

PLG 428 - Masalah-Masalah dan Isu-Isu Pendidikan Semasa

Masa: [2 Jam]

Kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menjawab soalan ini termasuk:

ARAHAH: Jawab **TIGA (3)** soalan kesemuanya
Jawab SATU (1) soalan daripada Bahagian A dan mana-mana
DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja

1. Analisis tentang isu dan masalah pendidikan boleh dipandu oleh beberapa perspektif dan teori. Dengan menggunakan
- (a) Perspektif Tradisi
 - (b) Perspektif Kritikal dan
 - (c) Perspektif Institusi

Buat ulasan yang sesuai terhadap aspek-aspek perkembangan pendidikan di Malaysia .

[40 markah]

2. Pilih **TIGA (3)** daripada teori yang disenaraikan di bawah:

- i) Teori Modal Manusia,
- ii) Teori Pengagihan,
- iii) Teori Pengesahan,
- iv) Teori Pemiagaman.

Untuk setiap teori yang anda pilih jawab perkara-perkara berikut:

- a) Huraikan dengan ringkas isi kandungan teori tersebut;
- b) Beri contoh di mana teori itu boleh diaplifikasi untuk menghurai satu masalah atau isu pendidikan negara kita;
- c) Beri kritikan anda terhadap teori itu.

[40 markah]

...2/-

BAHAGIAN B

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja

3. Kebelakangan ini pengurusan sekolah oleh pengetua dan kakitangan penting menjadi semakin mencabar disebabkan berbagai-bagai program khas, selain daripada pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Jelaskan cabaran-cabaran yang berhubung dengan **DUA** daripada program tersebut dan nyatakan apakah pula masalah-masalah dan isu-isu pengurusan yang dibangkitkan untuk setiap program itu?

[30 markah]

4. Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang boleh meningkatkan lagi perpaduan kaum di Malaysia melalui proses pendidikan dan apakah peranan guru di Malaysia untuk menangani masalah-masalah dan isu-isu yang dihadapi bagi mencapai tujuan ini?

[30 markah]

5. Apakah corak "anjakan paradigma" yang diperlukan bagi **DUA** perkara yang tersebut di bawah ini untuk menangani cabaran Wawasan 2020 di samping cabaran yang bercorak global:

- a) Institusi Pendidikan Tinggi
- b) Pendidikan Guru
- c) Sains dan Teknologi

[30 markah]